



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	3/8/2012

## Tema merdeka, slogan "Janji Ditepati" kempen Obama

UM-3/8/2012

SAMBUTAN Hari Kemerdekaan Ke-55 tahun ini tiba-tiba sahaja menjadi kontroversi gara-gara penggunaan tema "Janji Ditepati" yang tidak disenangi oleh pihak pembangkang kerana dikatakan mempunyai unsur politik.

Tidak berpuas hati dengan tema tersebut, pihak pembangkang telah mencipta tema sendiri iaitu "Sebangsa, Senegara, Sejiwa".

Bimbang dengan keadaan itu, **Kamal Farsya** ([kamalfarsya.blogspot.com](http://kamalfarsya.blogspot.com)) membayangkan sejarah negara bakal tercipta apabila buat pertama kali sambutan kemerdekaan negara setiap 31 Ogos akan disambut secara terpisah antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri di bawah pemerintahan 3P (Pas-PKR-DAP).

Katanya, jika pembangkang terus mempolitikkan tema perayaan tersebut, tidak mustahil sambutan peringkat kebangsaan akan menggunakan tema "Janji Ditepati" manakala di negeri-negeri Kelantan, Kedah, Pulau Pinang dan Selangor akan menggunakan tema "Sebangsa, Senegara, Sejiwa".

"Ini satu perkembangan yang amat mendukacitakan mengancam sikap pembangkang yang terus dengan sikap 'bangkang cuma untuk banekane' mereka.



"Gelagat mereka ini dianggap semata-mata kerana tujuan politik dalam suasana menjelang Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) sekarang," katanya.

Blog **The Flying Kick** ([theflyingkick.blogspot.com](http://theflyingkick.blogspot.com)) pula membidas Pas yang menyokong cadangan tema alternatif Hari Kemerdekaan sedangkan ia tiada ciri-ciri keislaman langsung.

"Sebangsa, Senegara, Sejiwa... sejenis, sama rata, sama rasa. Itu sebenarnya... Cuma se-Islam mana pi daa... Pas pergi hantuk kepalalah," bidas blog ini.

Katanya, tema Hari Kemerdekaan ciptaan pembangkang itu tidak langsung melambangkan kepelbagaian kaum dan agama, apatah lagi tentang agama Islam.

"Melayu mana? India mana? Siapa peduli da... inezat Pas peduli ke? Inezat PKR peduli

ke? DAP, tak payah ceritalah, lagi tak nak ambil peduli?"

"Ada ke selama ini DAP benar-benar perjuangan bangsa India? Pas, ada ke? Dah tentu tidak, pasal polisi dan dasar Pas tak boleh perjuangan bangsa kerana itu adalah haram! Pas hanya perjuangan Islam saja..." katanya. Mengenai "senegara", blog itu berkata, bagaimana mahu mewujudkan konsep senegara sedangkan pemerintahan di empat negeri dikuasai mereka pun tidak seragam.

Ketika pihak pembangkang terus fobia dengan "Janji Ditepati", nyata slogan tersebut menarik minat Barack Obama sehinggalah beliau turut menggunakan slogan sama "Promises Kept" (janji ditepati) dalam kempen pilihan raya Presiden bagi penggal baru beliau.

Slogan "Promises Kept" itu digunakan Obama pada laman Twitter beliau ([twitter.com/BarackObama](http://twitter.com/BarackObama))

Apakah ia satu kebetulan atau semangnya Obama tertarik dengan slogan tersebut sehinggalah beliau meniru slogan yang digunakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak itu?

Bak kata blog **MyKMU** ([www.mykmu.net](http://www.mykmu.net)): "Beitulah hebatnya slogan Perdana Menteri

Malaysia ini, merangkap Presiden UMNO dan Pengerusi BN, sehinggalah slogan yang dipilih pun sama, serupa. Dahsyat tak dahsyat, Anwar ada? Nik Aziz ada?"

Katanya, ketika kempen Obama menyamai kempen Najib, lawannya dari parti Republikan, Mitt Romney pula cuba mengampu kalangan pelobi Yahudi termasuk mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

"Ironinya, sementara kempen Obama serupa dengan kempen Najib, kempen Romney pula hampir serupa yang dilancarkan (Datuk Seri) Anwar Ibrahim tapi yang sedikit berbeza ialah Anwar berikrar untuk melindungi keselamatan Israel," kata blog itu.

Apa lagi yang boleh diputar belit oleh pakatan Pas-PKR-DAP berhubung slogan "Janji Ditepati" apabila Presiden AS juga menggunakan slogan serupa dalam kempen pilihan raya presidennya, kata blog **Cucu Tok Selampit** ([khairulryezal.blogspot.com](http://khairulryezal.blogspot.com)).

Katanya, langkah Obama menjadikan slogan "Janji Ditepati" (*Promises Kept*) menunjukkan bahawa zaman sekarang adalah zaman kerajaan menunaikan janji dan bukannya menabur janji tetapi tidak ditepati.

"Mereka lupa bahawa banyak negara di

dunia akan jatuh sekiranya tidak menepati janji kepada rakyat. Zaman sekarang adalah zaman kerajaan menunaikan janji dan membuat kerja. Bukan zaman kerajaan yang hanya tahu berjanji dan tidak ditepati," katanya.

Katanya, pihak pembangkang kini semakin kepanasan kerana mereka tidak pernah mengotakan janji-janji yang mereka taburi ketika kempen pilihan raya umum lalu, termasuk di empat negeri yang mereka kuasai.

"Tunggulah kejatuhan pembangkang di tangan rakyat dalam PRU-13!" katanya.

Nada serupa dibidas **Jeffrey Damien** ([jffrydamien09.blogspot.com](http://jffrydamien09.blogspot.com)) yang berkata, jika dahulu slogan kempen Obama pada 2008 iaitu "Hope and Change" dan "Change We Can Believe In" telah ditiru oleh pakatan pembangkang, tetapi kini Obama pula yang meniru slogan "Janji Ditepati" yang digunakan oleh Najib.

Bagaimanapun, katanya, slogan "Janji Ditepati" itu menyebabkan pakatan pembangkang fobia dan tidak senang duduk kerana ia telah menggugat keberkesanan slogan "Janji Ditaburi" mereka sejak sekian lama.